



## **BAB KELIMA**

KEBANGKITAN KUASA PORTUGIS DI MELAKA

## BAB KELIMA : KEBANGKITAN KUASA PORTUGIS DI MELAKA

### 5.0 PENGENALAN

Berdasarkan kajian terhadap sumber-sumber yang ada, terdapat bukti-bukti yang jelas tentang minat dan kesungguhan orang-orang Portugis untuk menguasai dan seterusnya menjajah Melaka. Usaha-usaha Portugis untuk ke Melaka bukan sekadar dilakukan dari India semata-mata, malah pelayaran terus dari Portugal. Suasana ini memperlihatkan betapa operasi menawan Melaka mendapat tempat di hati Raja Portugal.

Misi Lopez De Sequeira merupakan utusan rasmi pertama Raja Portugal dan satu usaha paling jauh merentas lautan dari barat ke timur. Menurut Yahaya Abu Bakar (1996:5) pengiriman misi ini harus diteliti dari aspek penerusan kegiatan zaman *os descobrimentos*, zaman penemuan dan penjelajahan dalam sejarah Portugal. Kegiatan *os descobrimentos* yang didukungi oleh prinsip tiga G (*Gold, Glory, Gospel*) merupakan ciri penggerak pada era tersebut.

Tanggal 24 Ogos 1511 merupakan detik perubahan sejarah Peradaban Islam Melaka. Dalam banyak perkara, kejatuhan bandar Melaka ke tangan kuasa Portugis merupakan episod yang sangat penting. Ia menandakan berakhirnya satu period dan bermulanya era baru dalam sejarah Nusantara.

## 5.1 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA PORTUGIS KE TIMUR

### 5.1.1 Faktor Politik

Pengalaman getir bangsa Portugis di Semenanjung Iberia mencetuskan semangat yang berkobar-kobar untuk mempertingkat martabat bangsa mereka agar tidak lagi dikuasai oleh orang-orang Islam. Kehadiran Putera Henry (1394-1460) yang bergelar '*Henry the Navigator*' adalah bertepatan dengan waktunya. Beliau berusaha dengan gigih untuk meletakkan Portugis sebagai kuasa perintis dalam mencari tanah-tanah jajahan baru. Sebuah pusat penyelidikan sains telah dibangunkan di Sagres bagi mengkaji mengenai angin, pasang surut, penyediaan peta-peta dan pembinaan kapal-kapal yang canggih pada ketika itu, iaitu *caravel* yang membolehkan mereka belayar jauh. Para pelayar yang berpengalaman, ahli-ahli geografi dan pembuat-pembuat peta telah dijemput ke sana (J. Kennedy, 1993:20 ; Abd. Aziz Zakaria, 1953:10). Di samping mempunyai ilmu kelautan yang baik, mereka juga telah terkehadapan dalam penggunaan alat-alat, seperti kompas dan teleskop.

Kebolehan belayar dengan jauh merentasi lautan dari barat ke timur dengan menggunakan kapal-kapal tercanggih pada kurun tersebut memberikan kemegahan kepada mereka dan seterusnya mengangkat martabat mereka di mata dunia. Dalam masa hanya beberapa dekad, Portugis telah berjaya muncul sebagai kuasa kelautan yang gagah dan unggul pada zamannya. Ini mendorong mereka untuk muncul sebagai sebuah kuasa Eropah pertama menakluki kawasan-kawasan di timur. Di samping itu, minat Portugal terhadap Melaka juga didorong oleh kebimbangan terhadap dasar peluasan kuasa pihak Sepanyol yang dikatakan berminat terhadap Melaka.

### **5.1.2 Faktor Ekonomi**

Sesebuah kuasa akan menjadi agung dengan kemantapan ekonomi negara. Oleh itu, salah satu faktor utama yang mendorong mereka ke timur adalah untuk berhubung terus dengan pusat pengeluaran hasil rempah yang menjanjikan kekayaan.

Menjelang abad keenam belas dan ketujuh belas, rempah merupakan salah satu hasil utama yang mendapat sambutan amat menggalakkan di Eropah. Adunan rempah-ratus, seperti lada hitam, kayu manis, bunga cengkih dan buah pala digunakan untuk mengawet dan menyedapkan rasa daging pada musim sejuk kerana ketiadaan sistem alat beku. Harga rempah melambung berlipat kali ganda disebabkan pengangkutan mengambil masa yang lama untuk tiba di pasaran Eropah dan melalui beberapa lapisan perantara.

Orang-orang Eropah amat iri hati terhadap pedagang-pedagang Islam yang memonopoli perdagangan rempah yang berpusat di Venice sejak zaman Rome. Kemewahan dan kekayaan peniaga-peniaga Islam menyebabkan Portugis bertekad untuk merampas monopoli perdagangan timur dengan menakluki Melaka yang merupakan emporium perdagangan utama dan pusat pengumpulan dagangan rempah.

### **5.1.3 Faktor Agama**

Kerajaan Islam pernah menguasai Semenanjung Iberian pada abad kelapan. Namun, bermula dari abad kesebelas, Khalifah Islam Andalusia mulai lemah akibat terlalu alpa dengan kekayaan dan tercetusnya pergolakan dalaman. Semangat Perang Salib yang membara di jiwa mereka menyaksikan kebangkitan kuasa Portugis untuk menegakkan

negara bangsa mereka sendiri yang bertunjangkan agama Kristian Katolik. Mereka berazam dengan sepenuh hati untuk menumpaskan kuasa dan pengaruh Islam di seluruh pelosok dunia dan seterusnya mengembangkan agama Kristian. Schrieke (1957:235) menulis :

*There was a nation which looked upon every disciple of Islam as its natural enemy and considered it "its true heritage" and "a privilege allowed them through an extraordinary blessing of God" to rid the earth of as many Moslems as possible... Their zeal to destroy Moslem trade and their passion for monopoly drove them further east, to Malacca, to Moluccas.*

Cerita dongeng mengenai Prester John juga menyemarakkan lagi semangat mereka untuk menghubungkan keagungan mereka dengan keagungan kerajaan Kristian di timur. Di bawah pengelolaan satu badan pergerakan Kristian iaitu '*Order of Christ*' beberapa ekspedisi yang terdiri daripada bekas-bekas tentera laut Portugis yang terlibat dalam Perang Salib telah dilancarkan ke timur (Joginder Singh, 1978:13). Kemaraan Portugis ke sebelah timur adalah satu kemaraan besar yang berupa penerusan Perang Salib. '*The European expansion towards the East began as a crusade. It was the beginning of one of the great crusades, the Eight Crusade we might call it*' (Panikkar, 1993:vii). Matlamat tersebut amat bersesuaian dengan peranan yang dimainkan oleh Melaka sebagai pusat penyebaran dan pendidikan Islam di rantau ini. Penaklukan ke atasnya merupakan usaha bagi menyekat perkembangan Islam di samping menghidupkan faham Kristian.

Kedua-dua motif, iaitu ekonomi dan meneruskan Perang Salib di Timur terjalin begitu erat dan ini terbukti menerusi ucapan Albuquerque sejurus selepas menawan Melaka :

*'The great service which we shall perform to Our Lord in casting the Moors out of this country and of quenching the fire of the Sect of Mahomet so that it may never burst out*

*again hereafter'. After service to God he alluded to the service to the King, 'for' he said, 'I hold it certain that if we take this trade of Malacca away from them (the Moors) Cairo and Mecca will be entirely ruined and Venice will receive no spiceries unless her merchants go and buy them in Portugal'.*

(Ibid., 40)

## 5.2 KETIBAAN ORANG-ORANG PORTUGIS DI MELAKA

Pada tahun 1488, Bartholomew Diaz telah mempelopori pelayaran pertama ke timur dengan harapan akan sampai ke India di bawah pemerintahan Kesultanan Delhi. Malangnya, beliau hanya berjaya sampai di Tanjung Pengharapan. Percubaan ini kemudiannya disusuli oleh Vasco da Gama bersama empat buah kapal layar. Beliau berjaya mendapatkan khidmat seorang pakar pelayaran Muslim, iaitu Ibn Majid yang ditemuinya di Kilwa. Di bawah bimbingan Ibn Majid, ekspedisi tersebut telah tiba di Calicut, India pada bulan Mei, 1498.

Selepas kejayaan Vasco da Gama, beberapa angkatan seterusnya dihantar ke India bagi membuktikan bahawa Portugis begitu bersungguh-sungguh melaksanakan matlamat dan tujuan mereka. Menjelang tahun 1504, beberapa penempatan seperti Cochin dan Cananore telah berjaya didirikan. Yahaya Abu Bakar (1996:3-4) merakamkan keinginan dan minat Portugis yang tersemat sekian lama untuk mendekati Melaka. Hal ini lebih jelas difahami dengan *regimento* (ordinan) yang dikeluarkan oleh Raja Manuel 1 kepada Wizurai Almeida bertarikh 5 Mac 1505 yang menetapkan beberapa perkara :

1. Keperluan mendirikan sebuah *fortaleza* (kota) di Socotra dan juga Melaka.
2. Perkhabaran tentang hasrat Sepanyol untuk ke Melaka kerana meragui pembahagian kawasan jajahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perjanjian Tordesellas.

3. Keperluan ke Sumatera serta pulau-pulau berdekatan serta meninggalkan *padroes* (tanda kehadiran, biasanya salib).
4. Membina sebuah *fortaleza* di Ceylon dalam perjalanan pulang dari Melaka.

Almeida juga telah diberitahu mengenai keperluan-keperluan utama bagi sesebuah kubu, iaitu mempunyai pertahanan semula jadi yang kuat, pelabuhan yang boleh menempatkan armada dan mempunyai bekalan air yang mencukupi serta sesuai untuk menjalankan urus niaga perdagangan. Pemerintah tempatan harus dipujuk atau dipaksa untuk membenarkan Portugis melaksanakan hasrat tersebut. Penubuhan *fortaleza* akan mengiktiraf kedaulatan Portugis dan menjadi simbol kuasa ketenteraan dan kelautan Portugis (Albuquerque Caesar Timur, 1995:21-22). Namun, Almeida gagal melaksanakan tugasnya dengan baik lalu digantikan dengan Alfonso d' Albuquerque.

Tanpa melengahkan masa, Albuquerque yang sememangnya mempunyai matlamat yang jelas mengenai tujuan asal Portugis ke timur, mengarahkan satu rombongan perdagangan beserta satu angkatan laut diketuai Lopez de Sequeira ke Melaka. Pada tanggal 11 September 1508, de Sequeira telah tiba di pelabuhan Melaka dan peristiwa ini amat bersejarah kerana ini merupakan pertama kali dalam sejarah Peradaban Islam Melaka orang bangsa Eropah tiba di kota tersebut. Rombongan tersebut telah disambut baik pada awalnya. Seorang jurubahasa telah dihantar bagi menjelaskan maksud kedatangan mereka. Rombongan tersebut telah diarak dengan gajah kerajaan dan segala kebesaran ke balai penghadapan. Kedua-dua belah pihak telah sebulat suara mengadakan perjanjian persahabatan dan perdamaian (Hari Ini Dalam Sejarah, 1983 : 257).

Walaupun misi ini lebih merupakan misi dagang, tetapi sensitiviti pemerintah Melaka dan pedagang-pedagang Muslim harus diambil kira. Reaksi sebaliknya timbul di kalangan saudagar Muslim yang beranggapan bahawa ini merupakan alasan bagi mengaburi tujuan asal mengintip kekayaan dan kekuatan pertahanan Melaka. Pengalaman berurusan dengan Portugis dan melihat kekejaman demi kekejaman yang dilakukan terhadap orang-orang Islam mengakibatkan wujudnya reaksi negatif tersebut.

*First the Gujaratees went to the said king Mafamut with a great present, and also the Parsees and Arabs and Bengalees and many of the Klings reported to the said king together, that the Portuguese had reached the port, and consequently were bound to come there every time, and that, besides robbing by sea and land, they were spying in order to come back and capture it [Malacca], just as all India was already in the power of the Portuguese.*

(Cortessao, 1944:255)

Laporan tersebut berjaya mempengaruhi Bendahara Tun Mutahir untuk menangkap orang-orang Portugis. Plot tersebut akhirnya sampai ke pengetahuan de Sequeira melalui seorang wanita Jawa yang berkasih dengan seorang pelayar Portugis (Winstedt, 1935:54).

Rombongan de Sequeira bukan sahaja gagal mendapatkan kebenaran berdagang, malah lebih buruk lagi , kehadiran mereka meniupkan api permusuhan di antara kedua-dua kuasa. De Sequeira berjaya menyelamatkan diri, tetapi beberapa orang Portugis yang berada di daratan ketika itu termasuklah Rui de Aroujo telah ditangkap. Sewaktu dalam tawanannya, beliau berkesempatan menyeludup sepucuk warkah kepada Albuquerque di India dengan kerjasama Nina Chatu. Perihal pentingnya warkah bertarikh 6 Februari 1510 ialah pada isi kandungannya yang memuatkan beberapa perkara penting iaitu (lihat Lampiran A) :

1. Strategi pertahanan Melaka, cara bagaimana dan waktu yang sesuai untuk menawan Melaka.
2. Keadaan lalu lintas dan kepentingan perdagangan Melaka.
3. Sistem persenjataan yang wujud di Melaka.
4. Layanan buruk yang diterima oleh tawanan.
5. Menasihatkan agar Portugis agar membawa bersama mereka kelengkapan perang yang besar.

### **5.2.1 Perang Melaka – Portugis Pertama**

Sesungguhnya peristiwa yang berlaku ke atas rombongan de Sequeira umpama ‘bulan jatuh ke riba’. Albuquerque telah belayar dari Cochin ke Melaka bersama sembilan belas buah kapal, lapan ratus orang Portugis dan enam ratus orang Malabar. Beliau berjaya merampas sebuah kapal pedagang Gujerat dan memaksa mereka menunjukkan jalan ke Pedir. Albuquerque kemudiannya belayar ke Pasai tempat beliau mendapat tahu bahawa Ruy de Aroujo masih hidup (*Ibid.*, 61).

Di Melaka, Albuquerque telah mengemukakan pelbagai tuntutan, iaitu pembebasan tawanan dan hak mendirikan sebuah kota. Sultan Mahmud Syah pada awalnya enggan menyerahkan tawanan melainkan satu perjanjian damai ditandatangani. Keadaan ini mendesak Albuquerque membakar rumah-rumah dan kapal-kapal orang-orang Islam di pelabuhan. Sultan Mahmud Syah yang enggan membenarkan Portugis bertapak di bumi Melaka mencari helah untuk melengah-lengahkan perundingan selama tiga minggu lamanya (Jayne, 1910:87 ; Zainal Abidin Abd. Wahid, et al., 1992:57). Hal ini

menimbulkan kemarahan Albuquerque dan kemudian memberikan kata dua kepada Sultan Mahmud Syah. Akhirnya para tawanan telah dibebaskan.

Namun, Sultan Mahmud Syah tidak mampu untuk memenuhi tuntutan kedua. Hasrat Albuquerque ingin mendirikan *fortaleza* di Melaka dan memperolehi hak perdagangan yang istimewa adalah satu permintaan yang bertentangan dengan kelaziman, luar biasa dan sukar untuk dikompromi. Portugal ternyata gagal mendalamai sistem perdagangan yang wujud di Melaka walaupun berjaya mengumpulkan pelbagai maklumat berharga mengenainya.

Albuquerque merasakan bahawa mereka telah menemui masa dan waktu yang sesuai untuk menyerang dan menawan Melaka. *Sejarah Melayu* mencatatkan bahawa angkatan tersebut terdiri daripada ‘tujuh buah kapal, delapan buah ghalias, sembilan buah ghali panjang, enam belas buah fusta’ (A. Samad Ahmad, 2000:267). Berikut itu, pihak Portugis telah memulakan serangan pada waktu subuh, 25 Julai 1511, hari *St. James*. Mereka menaiki beberapa buah perahu dan mendarat di bahagian utara dan selatan bandar Melaka.

Pertempuran tersebut menyaksikan ramai askar daripada kedua-dua belah pihak gugur. Rumah-rumah dan harta-benda turut musnah dan yang paling mengharukan ialah terbakarnya Istana Sultan Mahmud Syah yang menjadi lambang kebesaran Peradaban Islam Melaka (Hari Ini Dalam Sejarah, 1983:85). Akhirnya kemenangan berpihak di tangan rakyat Melaka. Namun, tersemat jauh di jiwa orang-orang Portugis yang berundur ke kapal untuk kembali lagi dengan tindakan susulan.

### 5.2.2 Perang Melaka - Portugis Kedua

Lebih kurang tiga minggu berikutnya, iaitu pada 9 Ogos 1511 pihak Portugis kembali semula ke Melaka bagi memenuhi janji yang telah dibuat. Kedatangan Portugis kali ini adalah dalam keadaan yang lebih bersedia. Maklumat-maklumat yang dibekalkan oleh Aroujo dan Viegas yang mempunyai pengetahuan berkenaan pertahanan Melaka dan penglibatan mereka secara langsung banyak membantu operasi penawanan Melaka. Birch (1980:18) menegaskan bahawa Aroujo telah menekankan akan peri pentingnya jambatan Melaka kepada pertahanan rakyat Melaka. Kepentingan jambatan utama ini turut diceritakan oleh Ma Huan dalam *Ying-Yai Sheng Lan* (lihat Lampiran B). Kekuatan mereka akan terbahagi dua seandainya barisan penggempur Portugis berupaya menawan jambatan tersebut. Sebahagian di bandar Melaka dan sebahagian lagi di Upe dengan pihak Portugis berada di tengah-tengah antara mereka. Serangan dari arah lain dikhuatiri tidak akan membawa hasil memandangkan pertahanan Melaka agak mantap dan kawasan yang begitu luas. Kejayaan menawan jambatan Melaka memberikan kedudukan yang selesa kepada Portugis. Satu persatu serangan rakyat Melaka berjaya dipatahkan.

Pihak Portugis juga amat bermasib baik kerana diberikan kerjasama yang baik oleh pedagang-pedagang asing. Dalam pada itu, kecanggihan persenjataan Portugis berjaya menerobos kubu pertahanan rakyat Melaka. Sultan Melaka tidak lagi mampu bertahan lalu melarikan diri ke kawasan pedalaman sebelum ke Muar, terus ke Pahang dan akhirnya menetap di Pulau Bentan (Andaya, 1983:64). Akhirnya, pada tanggal 24 Ogos 1511, Melaka secara rasminya jatuh ke tangan Portugis.

Sultan Mahimud Syah membuat satu pertimbangan yang salah apabila mengundurkan diri dengan anggapan bahawa Portugis hanya bertujuan melakukan rampasan ke atas kota Melaka, kemudiannya beredar. Taktik perperangan secara kepungan tidak diketahui oleh kebanyakan kerajaan di sebelah timur. Hal ini kerana mereka berperang sekadar untuk mendapatkan bekalan buruh dan ufti, bukan untuk mendapatkan tanah jajahan. Bagi mereka, cara pertahanan yang terbaik adalah menyerah diri atau mengundurkan diri beberapa ketika dan kembali semula setelah suasana tenang kembali.

Penawanan Melaka yang merupakan kuasa yang disegani di Selat Melaka merupakan babak penting dalam perjalanan sejarah peradaban rantau ini. Kejayaan ini begitu bernilai dan sangat berharga. Sentimen kebanggaan dan kemegahan jelas dengan sikap yang dipamerkan oleh Albuquerque untuk melihat sendiri perkembangan Melaka dari semasa ke semasa. Peristiwa penawanan Melaka telah digembar-gemburkan kepada Paus di Itali dengan penuh rasa bangga dan terharu (Yahaya Abu Bakar, 1989:71-72).

### **5.3 PENTADBIRAN PORTUGIS DI MELAKA**

Selepas menawan Melaka, Albuquerque tidak berhasrat untuk memusnahkan keseluruhan bandar Melaka kerana menyedari potensinya sebagai sebuah pelabuhan entrepot yang amat menguntungkan Portugis di timur. Berdasarkan dokumen-dokumen yang ada, Portugis tunduk kepada pelaksanaan sistem pentadbiran Peradaban Islam Melaka dengan beberapa pindaan yang difikirkan sesuai. Struktur masyarakat Melaka yang begitu kompleks menyukarkan satu perubahan besar dilakukan ke atas sistem sosial, ekonomi, dan politik. Sekurang-kurangnya dua faktor dapat dikemukakan bagi menjelaskan polisi pentadbiran Portugis ini, iaitu :

1. Portugis menyedari kepentingan Peradaban Islam Melaka sebagai emporium perdagangan yang menjadi pintu masuk utama. Pemerintah-pemerintah Melaka telah berusaha gigih untuk mempertahankan corak perdagangan serta kepadatan penduduk yang kosmopolitan. Kejayaan dan kecemerlangan pentadbiran Peradaban Islam Melaka yang begitu canggih di bawah pengelolaan Sultan Melaka mendapat pengiktirafan Portugis (1). Berbekalkan hasrat ingin meneruskan kegemilangan Melaka, ciri-ciri utama pentadbiran Peradaban Islam Melaka dikekalkan dengan beberapa pindaan tertentu.
2. Sebagai negara Eropah yang boleh dikatakan agak mundur, Portugal agak ketinggalan dalam pengendalian sistem pentadbiran yang maju dan canggih. Corak pentadbirannya lebih bersifat personal di tangan Raja Portugal. Campur tangan kerajaan pusat teramat kurang. Portugal juga tidak memiliki sistem belanjawan (*budgetary system*), tiada penyimpanan akaun yang sistematik sama ada bagi Portugal mahupun bagi tanah-tanah jajahan, terutamanya pada kurun keenam belas dan ketujuh belas (Macgregor,1955:16-17).

Selepas menakluki Melaka, Albuquerque memikirkan adalah perlu mewujudkan beberapa polisi penting sepanjang pentadbiran mereka. Antara polisi-polisi tersebut merangkumi :

### **5.3.1 Polisi Pentadbiran Politik**

Tindakan awal yang dilakukan oleh Albuquerque sejurus selepas mengambil alih pentadbiran Melaka ialah membina sebuah kota berkubu bersesuaian dengan strategi beliau, iaitu mendirikan jaringan empayar berdasarkan kota dan pelabuhan. Tanpa menghiraukan sensitiviti orang-orang Islam pada ketika itu, Portugis telah mendirikan kota

bergelar *A Famosa* di atas tapak Masjid Besar Melaka. Batu-batan yang digunakan dipercayai diambil dari bukit berdekatan yang menempatkan kawasan persemadian sultan-sultan Melaka (Irwin, 1922:22).

Kota tersebut dibina berdekatan dengan sungai bagi memudahkan penerimaan sebarang bentuk bantuan terutama ketika dikepung musuh. Di dalam kota ditempatkan dua buah perigi sebagai sumber air utama pihak Portugis. Kurun keenam belas memperlihatkan rupa bentuk bandar Melaka yang bercirikan bandar Portugis di India seperti *Damao-Praca Moti Daman* dengan penumpuan diberikan terhadap pembinaan bangunan-bangunan ketenteraan dan keagamaan (Filipe, 2000:37).

Kapten kota merupakan ketua pegawai-pegawai Portugis di Melaka yang bertukar ganti empat tahun sekali. Namun, pada tahun 1571, Melaka buat pertama kalinya menerima seorang Gabenor yang berada di bawah pengawasan Wizurai di Goa. Beliau dibantu oleh satu majlis penasihat yang terdiri daripada seorang Ketua Keadilan, seorang Datuk Bandar dan seorang Biskop (Tan Ding Eing, 1977:14-15 ; Turnbull, 1981:39). Albuquerque juga meninggalkan sejumlah kira-kira sepuluh buah kapal perang yang lengkap bersenjata untuk mengawal keselamatan perairan Melaka bagi menjamin kelincinan lalu-lintas perdagangan di Selat Melaka (Teixeira, 1986:59).

Satu perbezaan yang nyata diantara corak pentadbiran Peradaban Islam Melaka dan Portugis ialah kekurangan minat Portugis untuk mentadbir hal ehwal masyarakat tempatan melainkan kestabilan perdagangan dan politik serantau terancam. Albuquerque lebih cenderung menjalankan pentadbiran secara tidak langsung ke atas penduduk tempatan. Ini bererti penduduk tempatan turut mendapat perhatian dan kepercayaan bagi mentadbir hal-

ehwal adat istiadat dan perdagangan anak negeri. Pengekalan sesetengah jawatan anak negeri membuktikan bahawa institusi tenipatan masih diiktiraf walaupun peranan dan kedudukan bidang kuasa jawatan tersebut agak berbeza dengan Peradaban Islam Melaka.

Tome Pires sebagaimana dipetik oleh Cortesao (1944:281-282) melaporkan :

*The governorship of the Klings was given to the Bembara Nina Chatu, with the office of Bembara; the governorship of the Lucoes, Parsees and Malays was given to Regimo de Raja, a Lucao Moor, who was given the office of Tumunguo; the governorship of Iler was given to Tuam Colaxcar, that of Upeh to Pate Quedir.*

Biarpun pentadbiran Portugal menegaskan dengan berulang kali akan tegahan mengambil orang-orang Islam dan Hindu sebagai pekerja, namun mereka tiada pilihan. Di Melaka, khidmat saudagar-saudagar Hindu seperti Nina Chatu tetap diteruskan. Sementara di Goa misalnya, khidmat pegawai hasil dalam negeri dan pegawai kehakiman yang lama terus dikekalkan. Begitu juga dengan sistem yang dikenali sebagai '*the village comunidades*'. Di Ceylon (Sri Lanka), sistem pemilikan tanah (*land tenure system*) terus dikekalkan. Kelemahan pentadbiran Portugis telah memaksa mereka meneruskan tradisi pentadbiran penduduk pribumi di tanah-tanah jajahan yang baru dikuasai (Sar Desai, 1968:7).

Pengendalian hal ehwal perundangan bagi kesalahan jenayah yang melibatkan orang-orang Portugis dilakukan oleh seorang hakim, dibantu oleh seorang *bailiff* (pegawai pengadilan) dan seorang orang suruhan. Namun, kuasa hakim adalah terlalu terhad. Bagi penduduk tempatan pula, hal ehwal perundangan diserahkan kepada pegawai-pegawai bukan Portugis.

Semua pegawai Portugis menerima bayaran yang ditetapkan dalam bentuk *soldo* mengikut fungsi dan pangkat. Elaun sara hidup juga diberikan dalam jumlah yang agak lumayan dan dalam pelbagai bentuk. Di Melaka, pembayaran ini dibuat dalam bentuk beras. Pada tahun pertama pentadbiran Portugis di Melaka, kapten kota yang juga Gabenor Melaka, kapten-kapten kapal, ketua pasukan meriam kota, inspektor menara, penyelia para pekerja dan pelbagai pakar pertukangan, menerima enam puluh gantang pada setiap bulan dan dibayar lebih awal. Beberapa pegawai yang lain menerima empat puluh atau lima puluh gantang. Golongan tentera, anak-anak kapal dan paderi gereja daerah (*vicar*) menerima tiga puluh gantang seorang. *Chaplains* (paderi tentera) menerima lima belas gantang. Bagi mereka yang berkhidmat di atas kapal, elaun mereka dilipatgandakan. Taraf hidup Melaka yang bergantung sepenuhnya kepada makanan yang diimport, taraf hidup adalah tinggi berbanding kota-kota lain. Oleh itu, peruntukan elaun adalah lebih tinggi (Macgregor, 1955:7).

Satu lagi polisi tradisi Peradaban Islam Melaka yang diteruskan ialah sistem perhambaan. Sistem ini membantu Portugis mendapatkan bekalan buruh. Semasa penaklukan Portugis ke atas Melaka dianggarkan jumlah hamba yang dimiliki oleh saudagar-saudagar adalah seramai 3500 orang, manakala hamba yang dimiliki negara, iaitu milik Sultan yang kemudian berpindah milik kepada Raja Portugal dianggarkan seramai 1600 ke 3000 orang. Golongan hamba mewakili 2.5% ke 5.5% jumlah kepadatan penduduk Melaka (Filipe, 2000:133). Pada awalnya, Albuquerque tidak mempamerkan minat ke atas golongan ini. '*Afonso de Albuquerque had it announced, for all slaves that had been the property of King Mahamed, to come to him (Albuquerque) for he would assure their keep, in terms and with the liberties that they enjoy till then'* (Ibid., 148).

Namun, polisi ini berubah apabila Portugis kekurangan bekalan buruh bagi menyiapkan pembinaan kota *A Famosa* dalam masa yang singkat. Seramai 29 orang tukang kayu, 5 orang tukang besi, 3 orang tukang tembaga dan 260 orang pekerja biasa telah diambil bekerja. Pada bulan Ogos 1514, seramai 186 orang hamba telah diambil bekerja di dalam kota tersebut. Manakala angkatan laut ke Maluku yang diketuai oleh Antonio de Abreu pada tahun 1512 terdiri daripada 120 orang Portugis dan dua puluh orang hamba (*Ibid.*, 148-151). Menurut Manuel Godinho de Eredia yang dipetik oleh Filipe (2000:161) : *'These slaves were kept mostly for military purposes, since the city was a constant target to the attacks of Sultanets of Aceh and Johor, and later of the Dutch'*.

Patut diketengahkan juga bahawa turut dikenalkan ialah sistem organisasi ketenteraan Peradaban Islam Melaka yang tidak memiliki tentera yang tetap tetapi menggunakan khidmat dan bantuan saudagar-saudagar ketika perang tercetus. Portugis yang memiliki jumlah penduduk yang sedikit memerlukan bantuan ketenteraan daripada golongan bangsawan, saudagar-saudagar dan hamba-hamba mereka. Albuquerque telah memperkenalkan polisi perkahwinan campur, bukan sekadar bagi merapatkan hubungan Portugis dengan penduduk tempatan tetapi juga sebagai memenuhi keperluan ketenteraan. Kehadiran *casados* (orang Portugis yang berkahwin dengan penduduk tempatan) bertindak sebagai barisan pertahanan kedua (*Ibid.*, 159-162).

Pentadbiran Portugis di India menyaksikan beberapa perubahan dilakukan oleh Raja Dom Sebastiao. Peluasan tanah jajahan menyukarkan pengawasan dari satu pusat. Oleh itu, empayar Portugis di Asia dan Afrika telah dibahagikan kepada tiga pusat pentadbiran berbeza, iaitu zon pertama merangkumi semua tanah jajahan di antara Cape Guardafui dan Ceylon, dikelolakan di India; di antara Cape Corrientes dan Guardafui dikendalikan di

Monomotapa; dan di antara Pegu dan Cina ditadbir di Melaka (Danvers, 1894:1). Dengan ini, taraf pentadbiran tunggal yang bebas daripada pentadbiran Goa telah dikurniakan kepada Melaka.

### **5.3.2 Polisi Pentadbiran Perdagangan**

Tugas utama Albuquerque ialah memulihkan keamanan negeri melalui pengukuhan pentadbiran, di samping mewujudkan suasana yang baik ke arah pertumbuhan perdagangan Melaka. Peristiwa penaklukan Melaka sedikit sebanyak menjelaskan perjalanan perdagangan Melaka. Tindakan seterusnya ialah mengadakan hubungan persahabatan dan perdagangan dengan China dan negara-negara jiran. Wakil-wakil Portugis telah dihantar ke Siam, Pegu, Jawa, Sumatera dan Jepun. Pada bulan Disember 1551, satu ekspedisi diadakan di bawah pengelolaan Antonio d' Abreu dan Francisco Serrao untuk mengadakan hubungan dagang dengan Molukus dan Kepulauan Banda. Satu perjanjian telah ditandatangi antara Serrao dengan Sultan Ternate yang memutuskan ‘dasar tutup pintu’ kepulauan rempah terhadap Turki dan Venice. Tujuan Portugis adalah untuk memonopoli perdagangan rempah.

Langkah drastik Portugis ialah memperkenalkan satu polisi baru iaitu ‘Monopoli Eksklusif’ (*Exclusive Monopoly*). ‘Sistem Laluan’ (*Pass System*) telah memaksa semua kapal yang terlibat dalam perdagangan intra-Asia dan menggunakan laluan Selat Melaka untuk singgah membayar duti kastam. Undang-undang yang tegas telah diperkenalkan pada tahun 1524 dengan mengenakan hukuman mati dan merampas segala barang dagangan daripada kapal-kapal yang tidak mempunyai pas laluan daripada pelabuhan Melaka. Di samping itu, kemenangan yang dicapai di dalam Peperangan Diu pada tahun 1509

membuka peluang Portugis untuk menguasai Lautan Hindi (Tan Ding Eing, 1977:16 ; Turnbull, 1980:40).

Pihak Portugis juga mengenakan duti kastam yang tidak berpatutan bagi barang dagangan yang dibawa dari Pegu, Sumatera, Singapura, dan Sabah, iaitu 8% berbanding 6% sebelumnya. Manakala, barang dagangan dari India kecuali Bengal dikenakan 12%. Whiteway (1899:291) menyatakan bahawa duti yang dikenakan ke atas Bengal menjangkau 25%. Menarik untuk dilihat pernyataan yang dibuat oleh Simao Botelho yang mengecam tindakan ini sebagai '*Bullibuliao*' (2). Di samping itu, saudagar-saudagar asing juga dimestikan membawa hadiah-hadiah tambahan.

Botelho berusaha dengan gigih untuk memulihkan keadaan dengan menetapkan keseragaman duti kastam iaitu enam peratus ke atas semua barang dagangan, melainkan Bengal 8%. Barang dagangan dari China dikenakan 10% jika diimport oleh orang-orang Portugis, manakala 6% dikenakan seandainya diimport oleh saudagar-saudagar tempatan (Ibid., 291).

Hal ini bagi mengelakkan pegawai-pegawai Portugis terlibat dalam perdagangan kerana polisi yang dibuat di atas nama Raja Portugal milarang penglibatan para pegawai Portugis secara persendirian dalam aktiviti perdagangan di Melaka. Namun, arahan ini tidak lagi dipatuhi dengan alasan gaji yang dibayar tidak mencukupi. Semangat patriotisme pegawai-pegawai Portugis semakin luntur biarpun pernyataaan taat setia terhadap raja dilakukan berulang kali. Kebanyakan kapten Melaka telah melanggar monopoli perdagangan rempah dengan bermiaga di pelabuhan-pelabuhan Johor dan Acheh kerana duti kastam yang ditawarkan agak rendah.

Selain itu, atas nasihat saudagar-saudagar India, Albuquerque telah memperkenalkan mata wang Portugis yang digunakan di Hindia Timur untuk digunakan di Melaka (3). Mata wang yang berasaskan timah telah digunakan semasa pemerintahan Raja Dom Manuel (1495-1521) dan pengganti-penggantinya. Manakala, mata wang perak telah diperkenalkan sejak pemerintahan Raja Phillip II (1598-1621) dan Raja Phillip III (1621-1640) (<http://www.tranquebar.dk/malacca.htm/>).

*Tanga* ialah matawang perak yang telah diperkenalkan dan dikelaskan kepada beberapa jenis, iaitu *Half Tanga*, *the Tanga*, *Double Tanga* dan *Quadruple Tanga*. Yang paling terkenal atau sering digunakan ialah *Botelho Tanga*. Manakala, mata wang timah pula ialah *Bastardo*, *Soldo* dan *Dinheiro* yang ditempa di Lisbon untuk digunakan di Melaka. ([http://www.collectibles\\_museum.com/htm\\_original/portuguese.htm/](http://www.collectibles_museum.com/htm_original/portuguese.htm/)).

### **5.3.3 Polisi Pentadbiran Keagamaan**

Secara teknikal, segala kegiatan Portugis di Timur dijalankan di atas semangat meneruskan Perang Salib '*Order of Christ*'. Pekeliling telah dikeluarkan agar satu perhimpunan diadakan pada setiap hari Ahad di kesemua kota bagi memperingati roh Putera Henry '*The Navigator*' dan Governor '*Order of Christ*' yang bertanggungjawab memulakan penjelajahan ke Afrika Barat dan ke negara-negara lain. Kerajaan Portugal telah menanggung segala perbelanjaan keagamaan di Timur, seperti membina gereja-gereja, menyediakan arak dan roti suci yang digunakan dalam istiadat tertentu, minyak bagi lampu-lainpu gereja dan bayaran gaji paderi-paderi.

Di Melaka, sebuah gereja telah dibina dan dinamakan '*Our Lady of the Annunciation*'. Aktiviti-aktiviti penyebaran agama Kristian bergiat pesat sejak tahun 1545 dengan ketibaan Sir Francis Xavier. Beliau telah menubuhkan sebuah sekolah iaitu St. Paul dan menterjemahkan beberapa ajaran agama Kristian dan perintah Jesus ke dalam Bahasa Melayu bagi melancarkan lagi penyebaran agama tersebut. Memandangkan kawasan persekitaran Melaka tidak sesuai dengan aktiviti misionari, Melaka telah dijadikan tapak atau pusat transit bagi kegiatan Kristianisasi yang dijalankan di timur. Melaka terpaksa menanggung segala perbelanjaan kegiatan misionari di Kampuchea, Kepulauan Sunda dan Coromandel (Macgregor, 1955:39).

#### **5.4 Keberkesanan Sistem Pentadbiran Portugis di Melaka – Satu Analisis Ringkas**

Pada amnya, walaupun berpeluang mentadbir Melaka selama seratus tiga puluh tahun lamanya, namun tidak keterlaluan untuk menyifatkan ketidakberkesanan sistem pentadbiran yang dijalankan. Melaka gagal meneruskan kegemilangan sebagai emporium perdagangan yang gah sebagaimana yang dipamerkan semasa pemerintahan Peradaban Islam Melaka.

Bassett (1960:10) berpendapat bahawa penawanan Melaka tidak menjanjikan Portugis sebagai pewaris kekayaan Peradaban Islam Melaka. Pertimbangan Albuquerque yang merasakan bahawa monopoli perdagangan rempah menjanjikan kekayaan berganda dengan tertawannya Melaka adalah satu kesilapan kerana aktiviti perdagangan rempah-ratus telah beralih ke Malabar. Penghijrahan saudagar-saudagar Muslim ke pelabuhan-pelabuhan jiran, seperti Aceh, Bantam, dan Brunei secara beramai-ramai adalah disebabkan oleh polisi Portugis yang mengenakan duti yang tinggi, penggunaan kekerasan serta pemerasan dan

persaingan tidak sihat antara pegawai-pegawai Portugis. Sumber-sumber Portugis seperti catatan Joost Schouten pada kurun ketujuh belas mengesahkan sikap kejaim kapten-kapten Portugis yang memeras para pedagang tempatan (4). Selain itu, China juga telah beralih ke Patani. Tindakan ini menyaksikan kemerosotan hasil perbendaharaan Portugis di Melaka.

Di samping itu, sistem pentadbiran Portugis secara keseluruhannya (termasuk pencatapan nilai duti kastam) memperlihatkan korupsi dan pecah amanah. Pentadbiran Portugis di Melaka sebagaimana yang berlaku di Portugal dan tanah-tanah jajahan yang lain memperlihatkan posisi utama pentadbiran dimonopoli oleh kroni-kroni diraja dan golongan bangsawan (5) (Atkinson, 1953:90 ; Boxer, 1961:18). Pegawai-pegawai Portugis melakukan satu kesilapan besar apabila melibatkan diri dalam aktiviti perdagangan secara persendirian. Keadaan bertambah meruncing kerana ketidakmampuan pegawai-pegawai Portugis untuk mendisiplinkan diri. Kapten kota umpamanya, mengeksplotasi kuasa yang ada padanya untuk merendahkan harga barang dagangan yang dibeli dan menjualkannya dengan harga yang berlipatganda. Kapal-kapal diraja juga telah digunakan untuk kepentingan diri sendiri bagi mengelakkan duti. Keuntungan yang dikaut masuk ke dalam saku para pegawai dan bukan kepada raja dan negara. Selepas tiga tahun berkhidmat adalah dianggarkan bahawa seorang kapten mampu memiliki sepuluh ribu *cruzados* (Tan Ding Eing, 1977:17). Rekod Barreto de Resende juga mendedahkan urus niaga haram yang mengakibatkan kemasuhan secara total sumber pendapatan hasil dalam negeri pada tahun 1633 (R. Cardon, 1934:12). Seawal tahun 1530 adalah dilaporkan bahawa Raja Portugal tidak menerima sebarang keuntungan (J. Kennedy, 1970:30).

Satu lagi faktor utama yang mengakibatkan ketidakstabilan pemerintahan Portugis di sebelah timur termasuk Melaka ialah ketiadaan persefahaman antara pegawai-pegawai

peringkat tertinggi. Konflik sering tercetus di kalangan mereka yang mendakwa lebih berkuasa daripada yang lain. Peristiwa penahanan Albuquerque oleh Alfonso de Almeida yang hanya dibebaskan oleh anak saudara Albuquerque, Dom Fernando Coutinho adalah salah satu contoh terbaik (Danvers, 1894:145-148).

Di samping itu, hakim yang ditugaskan di Melaka hanya sekadar ‘boneka’ yang mempunyai bidang kuasa yang amat terhad. Seorang *fidalgo* contohnya berdarah bangsawan, doktor perubatan, ahli perundangan, tidak boleh ditahan dengan sewenang-wenangnya melainkan kesalahan berat yang membawa hukuman mati. Bagi golongan yang memiliki harta dan kuasa, sebarang bentuk kesalahan hanya boleh diadili oleh Raja Portugal. Kuasa hakim sesebuah kota hanyalah sah ke atas askar-askar kebanyakan dan hamba abdi.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, kualiti kerja pegawai-pegawai Portugis yang diamanahkan ke Melaka adalah lebih rendah berbanding yang bertugas di Goa. Jarak antara Goa dan Melaka yang agak jauh menyukarkan Wizurai di Goa mengawal pergerakan pegawai-pegawainya di Melaka yang gemar mengeksplorasi keadaan. Kapten-kapten dan pegawai-pegawai Melaka mengambil peluang musim pelayaran yang agak lama untuk sesuatu berita tiba di Goa bagi melengah-lengahkan respon terhadap sebarang kemusyikan yang dikemukakan.

Kejayaan cemerlang menakluki Melaka tidak menyaksikan pertuanan Portugis ke atas empayar Melaka keseluruhannya kerana Portugis hanya berjaya menawan bandar Melaka. Mereka tidak berkemampuan menakluki negeri-negeri lain kerana kekurangan tenaga

ketenteraan. Selain itu, tujuan asal mereka hanyalah untuk menawan bandar Melaka yang merupakan pusat perdagangan terpenting pada waktu tersebut.

*If one disregards such projects as landing in Egypt or the conquering of the Mameluke Empire – never to be fulfilled – it becomes plain to see that this imperialist wave was merchantile and maritime and not territorial. One should point out that over the 130 years of Portuguese rule in Malacca, not once were any attempts made to claim the remaining lands of the Sultanate. These were to remain under the Sultan's rule, first with court in Pagoh, then in Bintan and finally in Johor.*

(Filipe, 2000:128)

Pentadbiran Portugis di Melaka juga terpaksa berhadapan dengan penentangan demi penentangan oleh kerajaan-kerajaan Melayu Nusantara yang lain. Orang-orang Jawa di Melaka yang diketuai oleh Utumutiraja menimbulkan pelbagai kesukaran kepada Portugis. Beliau berpaktat dengan Sultan Mahmud Syah untuk menentang Portugis yang mengakibatkan beliau ditangkap dan dibunuh. Percubaan seterusnya dilakukan oleh Patih Kadir. Pada tahun 1513, Patih Unus melakukan percubaan untuk menyingkirkan Portugis, tetapi gagal. Ramai orang Jawa meninggalkan Melaka. Tindakan ini menyulitkan Portugis kerana Jawa merupakan pengimport beras yang utama ke Melaka.

Penentangan demi penentangan juga datang daripada Sultan Mahmud Syah yang mendirikan Kerajaan Johor. Percubaan menyerang Portugis dilakukan berulang kali di antara tahun 1515 dan 1524. Kemunculan Aceh sebagai pengganti Melaka menyukarkan lagi keadaan Portugis yang terpaksa berhadapan dengan serangan demi serangan. Walaupun semua percubaan ini menemui kegagalan, namun ia telah menggugat kestabilan sistem pertahanan dan perdagangan Portugis.

Polisi keagamaan Portugis juga telah menemui kegagalan. Adalah menarik untuk dibuat perbandingan dengan pentadbiran Portugis di Brazil di mana Portugis berjaya menyebarkan ideologinya tetapi gagal melakukan perkara yang sama di Melaka. Keadaan ini barangkali disebabkan telah wujud sejak sekian lama sebuah Peradaban Islam yang agung di Melaka ketika pencerobohan Melaka yang sukar diganggu gugat. Berlainan sekali dengan Brazil yang tidak dinaungi oleh mana-mana peradaban yang dominan sifatnya. Penduduk peribumi Brazil tidak mentaati mana-mana agama sebagaimana penduduk Melaka. Pedro Vaz de Caminha menulis sepucuk surat kepada Raja Manuel yang antara lain menyebut :

*They seem to me to be people of such innocence that, if we could understand them and they us, they would soon become Christians, because they do not seem to have or understand any form of religioan... For it is certain that this people is good and of pure simplicity, and there can easily be stamped upon them whatever belief we wish to give them.*

(Boxer, 1969:85)

Tambahan pula, penduduk Brazil bukan terdiri daripada penduduk peribumi secara majoritinya, tetapi hamba-hamba abdi berkulit hitam yang didatangkan dari Afrika. Brazil juga merupakan sebuah pusat pembuangan penjenayah yang tidak dikehendaki di Portugal. Penduduk asal Brazil diperlakukan dengan kejam yang menyebabkan jumlah mereka berkurangan. Father Cardim sebagaimana yang dipetik oleh Boxer (1969:85) melaporkan '*...they have already been hanged, hewn in spices, quartered, their hand cut off nipped with hot pincers and set in the mouth of cannon, for killing or helping to kill some Portuguese*'.

Sistem pentadbiran Portugis yang mengasingkan kediaman pihak Portugis dan penduduk tempatan juga tidak boleh dipandang remeh. Kehidupan di dalam kota *A Famosa*

mewujudkan jurang dan merenggangkan bibit-bibit kemesraan antara kedua-dua pihak. Mereka gagal mengadaptasi adat dan budaya masyarakat tempatan sebagaimana yang dilakukan oleh mubaligh-mubaligh Muslim. Sistem sosial yang baik memainkan peranan yang amat penting dalam melicinkan penyebaran sesuatu agama. Sikap para pegawai Portugis di Melaka yang tanpa segan silu melibatkan diri dalam rasuah dan pecah amanah turut menyumbang ke arah kegagalan misi keagamaan Portugis. Sir Francis Xavier secara keras mengkritik perlakuan mereka '*ask them if they pay partes (? taxes), if they make monopolies, if they help themselves with the King's money for their own business and the like details*' (Winstedt, 1935:92-93).

Selain itu agama Islam yang dibawa secara aman telah bertapak kukuh di hati sanubari penduduk tempatan. Ini berbeza dengan agama Kristian yang disebarluaskan menerusi peperangan, paksaan dan pemerasan. Walaupun tiada penyembelihan dan kekejaman yang keterlaluan di lakukan ke atas masyarakat Melaka, namun sikap dan perlakuan kejam pihak Portugis ke atas orang-orang Islam di India dan Molukus sampai ke pengetahuan rakyat Melaka (6). Perkhabarannya sebegini menyebabkan hilangnya minat dan keinginan untuk mendekati agama baru yang diperkenalkan oleh Portugis.

## **5.5 PENUTUP**

Kejatuhan Peradaban Islam Melaka ke tangan Portugis dalam tahun 1511 menandakan riak permulaan penguasaan bangsa Eropah di Alam Melayu. Berdasarkan sumber-sumber Portugis dan catatan-catatan sejarah, terdapat bukti-bukti yang menunjukkan minat dan kesungguhan pihak Portugis untuk mencari seterusnya menawan Melaka. Portugal sering

menekankan bahawa Goa dan Melaka adalah pusat-pusat terpenting yang menjanjikan kejayaan penguasaan perdagangan di sebelah timur.

Peradaban Islam Melaka turut mendapat perhatian kerana dianggap sebagai kubu penting dalam usaha Portugal untuk menyekat kemaraan pengaruh Islam. Penguasaan ke atas Melaka bermatlamat untuk menjadikannya ibu pejabat penyebaran agama Kristian. Di samping itu, kejayaan menawan Melaka menjanjikan kemasyhuran kepada pihak Portugis sebagai kuasa kelautan pertama yang menewaskan sebuah empayar agung dan terbilang.

Namun, orang-orang Portugis hanya mampu bertahan selama lebih kurang satu abad lamanya. Ramai yang berpendapat bahawa kelemahan utama Portugis berpunca daripada sikap tidak mahu bertolak-ansur antara cita-cita perdagangan dan sentimen keagamaan mereka. Pentadbiran mereka di Melaka sering dilanda pelbagai masalah seperti kekejaman, korupsi, penyalahgunaan kuasa, rasuah, pertelingkahan pegawai-pegawai dan penentangan daripada pelbagai pihak luar. Bertepatan dengan pandangan yang disuarakan oleh Ibn Khaldun, faktor-faktor inilah akhirnya menyumbang kepada kekalahan Portugis di tangan Belanda.

## NOTA HIJUNG

1. Semasa musim perdagangan berlangsung, Melaka akan memiliki kepadatan penduduk menjangkau seribu orang. Pentadbiran sebuah bandar metropolitan seperti Melaka memerlukan satu sistem pentadbiran yang amat canggih serta cekap.
2. Simao Botelho adalah salah seorang pegawai yang dedikasi yang jarang dapat ditemui di dalam sistem birokrasi Portugis di timur. Beliau telah dihantar oleh Governor Martin Alfonso de Sousa (1542-1545) untuk memulihkan sistem pungutan cukai pelabuhan (Whiteway, 1899:291). Di antara tahun 1511 dan 1543, satu semakan secara drastik telah dilakukan ke atas hasil kutipan dan duti kastam yang dianggap penyebab kepada kemerosotan perdagangan Melaka. Semasa bertugas sebagai Gabenor Melaka dari tahun 1544-1545, beliau telah berjaya memperbaiki keadaan. Berlaku pemulihan ke atas perdagangan tempatan dan kemerosotan perdagangan persendirian pegawai-pegawai Portugis. Hasil pendapatan dalam negeri meningkat kepada dua puluh tujuh ketiga puluh ribu *cruzados*. Namun, rasa tidak puas hati terhadap beliau menyaksikan penyingkiran beliau dari persada pentadbiran Melaka (Sar Desai, 1968:12).
3. Portugis telah mendirikan gudang-gudang dan kilang-kilang membuat mata wang dengan menggunakan logam timah bagi menampung matawang perak dan emas dari Eropah dan India. Penduduk-penduduk tempatan telah dipaksa menyerahkan mata wang Peradaban Islam Melaka untuk dileburkan semula bagi menempa mata wang baru Portugis. Pengisytiharan mata wang baru ini dibuat secara besar-besaran oleh seorang pegawai tinggi tentera Portugis dengan dihadiri oleh orang-orang kenamaan semua bangsa. Perarakan dibuat dengan menaiki gajah dan mata wang ditaburkan kepada rakyat di sepanjang jalan (Mohd. Kassim Hj. Ali, 1997:99).
4. Untuk mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai pemerasan yang dilakukan terhadap pedagang-pedagang tempatan, lihat Meilink Roelofsz, *Asian Trade and European Influence*, Netherlands : The Hague, 1962:169-169.

5. Jorge de Albuquerque, Kapten Melaka dari tahun 1514-1516 dan 1521-1525 merupakan sepupu Albuquerque. Sepupunya-sepupunya, Pero, pernah menjadi kapten di Ormuz dan Vicente di Melaka. Dom Garcia da Noronha yang mempunyai pertalian dengan Jorge, pernah menjadi Wizurai Portugis di India (1538-1540). Sementara itu, empat daripada dua puluh lima orang Kapten Melaka di antara tahun 1512-1560, adalah anak-anak Vasco da Gama (Macgregor, 1955:17-19).
6. Untuk mendapat ulasan lebih lanjut mengenai perlakuan kejam orang-orang Portugis terhadap penentangan orang-orang Islam, lihat C.R. Boxer , 1963:41-44).